



PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN MIRI  
(UNIT KHIDMAT PENGURUSAN)  
ARAS 7, 8 DAN 9,  
KOMPLEKS ISLAM SARAWAK, MIRI  
JALAN PUJUT, 98000 MIRI, SARAWAK.

Telefon Am : 085-433203  
Faks : 085-432876

Ruj. Kami : PRM/800-1/3/1/ JLD. 7 Tarikh: 06.07.2021  
Ruj. Tuan : (2) Tarikh:

## SEMUA SYARIKAT KREDIT KOMUNITI

Tuan/Puan,

### **KEBENARAN UNTUK BEROPERASI BAGI PEMEGANG LESEN PEMBERI PINJAM WANG (KREDIT KOMUNITI) YANG BERDAFTAR DI BAWAH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

- Untuk maklumat tuan/puan, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memutuskan untuk menerima keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan Sektor Kredit Komuniti (KK) yang berdaftar dengan Residen Bahagian selaku Timbalan Pendaftar KK di Sarawak beroperasi.
- Syarikat Kredit Komuniti / Pemberi Pinjam Wang perlulah membuat permohonan baharu kebenaran pengoperasian menerusi [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) dengan mengakses Portal CIMS 3.0 ( melalui pautan [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my) ) berkuatkuasa pada 23 Jun 2021 dan syarikat hanya dibenarkan beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada sistem CIMS.
- Bersama-sama ini dikepilkan Siaran Media dan SOP Sektor Kredit Komuniti (PKP) berhubung dengan perkara tersebut di atas untuk maklumat dan tindakan pihak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

  
(HAJI JAMALIE BIN HAJI BUSRI)  
Pemangku Residen Bahagian Miri

6/7/2021

s.k. Jabatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri  
Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Miri





JABATAN KETUA MENTERI  
(UNIT PENTADBIRAN)  
TINGKAT 8 & 9, WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA,  
93502 KUCHING, SARAWAK.  
☎ 082-441957 (Am) / 082-440489 / 082-319019 (Pejabat Pengarah)  
☎ 082-444321 (Am) / 082-443777 (Pejabat Pengarah)

Ruj : JKM/UP/900-2/1/1/ Jld.2 (02)

Tarikh : 24 Jun 2021

Pengarah  
Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 4, Bangunan Tunku Abdul Rahman  
Petra Jaya 93503 Kuching Sarawak

Tuan,

**Kebenaran Beroperasi Kredit Komuniti Sebagai Perkhidmatan Perlu  
(*Essential Services*) Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)  
Fasa 1 Berkuatkuasa 23 Jun 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada Sektor Kredit Komuniti (KK) atau Pemberi Pinjam Wang (PPW) untuk **beroperasi mulai 23 Jun 2021**.
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memutuskan untuk menerima keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan Sektor Kredit Komuniti (KK) yang berdaftar dengan Residen Bahagian selaku Timbalan Pendaftar KK di Sarawak **beroperasi mulai 24 Jun 2021**.
4. Sehubungan itu, mohon jasa baik pihak tuan untuk memasukkan Sektor Kredit Komuniti (KK) ini di dalam senarai Perkhidmatan Perlu (*Essential Service*).
5. Bersama-sama ini dikepilkan Siaran Media berhubung dengan perkara tersebut di atas untuk rujukan pihak tuan.

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(NICHOLAS SIA)**  
Unit Pentadbiran  
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri  
SARAWAK

s.k. Semua Residen Bahagian

Pegawai seranta:

Encik Khairul Nizam bin Morshidi ☎ 082-447533 ✉ [khairunm@sarawak.gov.my](mailto:khairunm@sarawak.gov.my)



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Kit.46 (32)  
Tarikh : 23 Jun 2021

---

## SIARAN MEDIA

---

### **KEBENARAN BEROPERASI SEKTOR KREDIT KOMUNITI SEBAGAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*) SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1 BERKUATKUASA 23 JUN 2021**

---

**PUTRAJAYA, 23 JUN 2021** – Susulan dari Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 18 Jun 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada Sektor Kredit Komuniti (KK) atau Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang berdaftar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 berkuat kuasa serta-merta.

Syarikat Kredit Komuniti / Pemberi Pinjam Wang perlulah membuat permohonan baharu kebenaran pengoperasian menerusi [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) dengan mengakses Portal CIMS 3.0 (melalui pautan [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my)) berkuatkuasa pada 23 Jun 2021 dan syarikat hanya dibenarkan beroperasi setelah mendapat kelulusan daripada sistem CIMS.

Bagi syarikat Kredit Komuniti di Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, kebenaran beroperasi perlu dirujuk kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan seperti Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS), Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak (JKNS) dan Perbadanan Labuan (PL).

KPKT selaku agensi yang mengawal selia aktiviti kredit komuniti telah mengambil beberapa langkah bagi mengemaskini semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Sektor Kredit Komuniti (Pemberi Pinjam Wang) untuk mengawal penularan wabak COVID-19 seperti berikut:

- (i) **Waktu operasi dan waktu bertemu pelanggan** adalah dihadkan dari jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang**;
- (ii) **Hanya 2 orang pelanggan** dibenarkan berada dalam premis dalam satu-satu masa. Pelanggan adalah digalakkan untuk membuat temujanji sebelum mengunjungi premis bagi mengurangkan bilangan pelanggan yang beratur;
- (iii) Kapasiti pekerja adalah **terhad kepada 60% kehadiran pekerja termasuk operasi dan pengurusan**;
- (iv) Syarikat Kredit Komuniti/ Pemberi Pinjam Wang **wajib menyediakan kemudahan QR Code MySejahtera** dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Pelanggan diwajibkan untuk mendaftar masuk ke dalam aplikasi MySejahtera atau menulis secara manual di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet atau pelanggan yang tidak mempunyai telefon pintar;
- (v) Pelanggan perlu **menjalankan imbasan suhu badan** di pintu masuk dan **menggunakan hand sanitizer** sebelum memasuki premis. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius atau menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, sesak nafas tidak dibenarkan memasuki premis; dan
- (vi) Syarikat KK perlu **memaklumkan segera kepada KPKT** dan merujuk kepada SOP MKN dan KKM **sekiranya terdapat kakitangan atau pelanggan KK yang disahkan positif COVID-19**. Ini bagi memastikan tiada penularan yang berlaku di sektor ini dan syarikat KK lebih peka serta mematuhi arahan yang berkuatkuasa;

Pengoperasian Sektor Kredit Komuniti ini merupakan sektor ke-13 yang telah disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu di bawah Kluster Kerajaan Tempatan di dalam Sistem CIMS 3.0 sepanjang tempoh PKP Fasa 1 ini.

Sehubungan itu, semua syarikat Kredit Komuniti perlu memastikan untuk mematuhi SOP yang dikeluarkan bagi bersama-sama mengekang penularan wabak COVID-19 ini. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, orang ramai boleh menghubungi pegawai-pegawai di Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT di talian seperti berikut:

**Urusan pelesenan : 03-8891 4695/4661/4659/4652/4721**

**Urusan aduan : 03-8891 4690/4668/4658/4708**

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*







# SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

## Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

Waktu Beroperasi

(9.00 pagi – 5.00 petang)

Waktu Kehadiran Pelanggan

(9.00 pagi – 5.00 petang)

Kapasiti Pekerja

60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## Tindakan

Kawal bilangan pelawat di premis perniagaan

## Penerangan Ringkas

- Hadkan bilangan pelanggan yang dibenarkan ke dalam premis pada bila-bila masa untuk memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi secara efektif;
- Sediakan ruang giliran di luar premis jika selamat. Guna sistem beratur digital jika ada;
- Letakkan *sanitizer* di tempat yang mudah diakses pelanggan;
- Keluarkan bahan yang tidak mudah dibersihkan seperti akhbar, majalah, risalah dari ruang menunggu;
- Kakitangan dan pelanggan diwajibkan memakai *facemask*. Pelanggan perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter pada setiap masa. Jika boleh, sediakan tanda jarak 1 meter di atas lantai dan tempat duduk;
- Hanya 2 orang pelanggan dibenarkan dalam premis dalam satu-satu masa. Galakkan pelanggan membuat temujanji sebelum mengunjungi premis untuk mengurangkan bilangan pelanggan yang beratur, dan
- Pastikan pelanggan membersihkan tangan dengan *hand sanitizer* sebelum dan selepas menggunakan alat tulis.



# SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

## Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Beroperasi | Waktu Kehadiran Pelanggan | (9.00 pagi – 5.00 petang) | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Kapasiti Pekerja | 60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah |
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|

## Tindakan

Kawal laluan masuk dan keluar di premis perniagaan.

## Penerangan Ringkas

- Penyedia perkhidmatan pinjam wang harus memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi secara efektif semasa pelanggan keluar dan masuk premis perniagaan;
- Pelanggan perlu menjalankan imbasan suhu badan di pintu masuk;
- Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius dan/atau menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, sesak nafas tidak dibenarkan memasuki premis. Pelanggan digalakkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan yang berdekatan;
- Sediakan *sanitizer* berhampiran pintu masuk dan keluar untuk kegunaan pelanggan;
- Penyedia perkhidmatan pinjam wang diwajibkan menyediakan kemudahan QR Code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Pelanggan diwajibkan *check-in* MySejahtera atau menulis secara manual di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet atau pelanggan tidak mempunyai telefon pintar;
- Sediakan ruang giliran di luar premis jika selamat. Guna sistem beratur digital jika ada;
- Jika boleh, tugaskan seorang kakitangan untuk mengawal pintu atau gunakan pintu automatik (jika ada) untuk mengawal kesesakan pelanggan; dan
- Jika boleh, sediakan pintu masuk dan keluar yang berasingan dan tandakan dengan jelas untuk mengawal kesesakan pelanggan.



# SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

## Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang


## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Beroperasi | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Waktu Kehadiran Pelanggan | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Kapasiti Pekerja | 60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah |
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|

## Tindakan Penerangan Ringkas

- Urusan di kaunter (jika berkenaan) - kekalkan kebersihan dan penjarakan fizikal**  
 a. Kakitangan yang berurusan secara bersemuka dengan pelanggan perlu memakai *facemask* dan memastikan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara kakitangan dan pelanggan;  
 b. Pamerkan notis untuk mewajibkan pelanggan dan kakitangan memakai *facemask* pada setiap masa berada di premis;  
 c. Pelanggan perlu membersihkan tangan dengan menggunakan *sanitizer* sebelum berurusan di kaunter;  
 d. Penyedia perkhidmatan pinjam wang perlu sediakan *sanitizer* di kaunter untuk kegunaan pelanggan;  
 e. Kakitangan perlu mengelak daripada menyentuh tangan/ ibujari (jika berkenaan) pelanggan ketika mendapatkan cap ibu jari;  
 f. Elakkan berkongsi alat tulis dengan pelanggan;  
 g. Nyah kuman (*disinfect*) permukaan kaunter secara kerap, mengikut kadar trafik pelanggan yang menggunakan kaunter berkenaan;  
 h. Nyah kuman (*disinfect*) pintu sekurang-kurangnya tiga kali sehari; dan  
 i. Jika mengendalikan wang tunai atau dokumen-dokumen dari luar, membersihkan tangan dengan *sanitizer* sebelum menjalankan urusan.



## SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

### Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

| Waktu Beroperasi | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Waktu Kehadiran Pelanggan | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Kapasiti Pekerja | 60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah |
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|

### Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

### Tindakan

Urusan di kaunter (jika berkenaan) - kekalakan kebersihan dan penjarakan fizikal

### Penerangan Ringkas

j. Penyedia perkhidmatan pinjam wang digalakkan untuk mengenal pasti pelanggan-pelanggan yang memerlukan bantuan khusus seperti wanita hamil dan orang kelainan upaya (OKU) serta golongan yang berisiko tinggi terhadap Covid-19 seperti warga emas. Untuk pelanggan-pelanggan ini, penyedia perkhidmatan pinjam wang digalakkan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan bantuan yang diperlukan untuk mereka menyempurnakan transaksi. Sebaik-baiknya, penyedia perkhidmatan pinjaman wang menyediakan masa dan kaunter yang khusus serta tempat menunggu yang berasingan untuk golongan ini; dan

k. Kakitangan yang memberi bantuan fizikal dan pelanggan harus membersihkan tangan sebelum menjalankan urusan di premis perniagaan.

a. Simpan rekod pertemuan dengan pelanggan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk tujuan pengesanan kontak;

b. Untuk setiap pertemuan, perlu merekodkan nama, nombor telefon, tarikh, masa dan tempat pertemuan; dan

c. Maklumat yang direkodkan perlu disimpan sekurang-kurangnya selama tiga bulan.



## SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

### Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

### Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Beroperasi | Waktu Kehadiran Pelanggan | (9.00 pagi – 5.00 petang) | (9.00 pagi – 5.00 petang) | Kapasiti Pekerja | 60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah |
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|
|------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--|

| Tindakan  | Penerangan Ringkas   |
|---|--|
| <b>Susun atur pejabat dan tempat duduk (stesen kerja)</b> | <p>a. Pastikan susun atur pejabat membolehkan kakitangan mengekalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter setiap masa. Contohnya, dengan meletakkan pengadang antara pekerja dan tanda jarak 1 meter di atas lantai;</p> <p>b. Sebaik-baiknya lakukan interaksi secara ringkas bagi mengurangkan risiko penyebaran COVID-19. Semua pihak mesti memakai <i>face mask</i> dan menjaga jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Jika perlu, kakitangan boleh menggunakan bantuan teknologi untuk mengumpul maklumat secara digital, e-mel atau panggilan telefon, atau mengisi dokumen yang diperlukan sebelum interaksi antara kakitangan dan pelanggan;</p> <p>c. Pamer notis untuk mengingatkan kakitangan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan membersihkan tangan sebelum menggunakan peralatan umum;</p> <p>d. Sediakan <i>sanitizer</i> di tempat yang sesuai dan mudah diakses;</p> <p>e. Simpan semua dokumen yang tidak perlu dan hadkan pertukaran dokumen fizikal untuk mengurangkan risiko jangkitan; dan</p> <p>f. Kakitangan tidak digalakkan berkongsi peralatan (seperti telefon bimbit dan alat tulis pejabat). Kakitangan perlu mengehadkan sebarang kontak fizikal yang tidak perlu di pejabat (seperti telefon, stesen kerja, komputer riba, mesin fotostat /mesin faks).</p> |



# SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PKP)

## Merangkumi

- Bayaran balik pinjaman berjadual
- Transaksi pinjaman baharu

Waktu Beroperasi

(9.00 pagi – 5.00 petang)

Waktu Kehadiran Pelanggan

(9.00 pagi – 5.00 petang)

Kapasiti Pekerja

60% kapasiti berada di premis. Selebihnya bekerja di rumah

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P. U. (A) 265/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Tindakan                           | Penerangan Ringkas   |
|------------------------------------|--|
| <p><b>Aplikasi MySejahtera</b></p> | <p>a. Syarikat KK wajib memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera;</p> <p>b. Kakitangan, pelanggan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat;</p> <p>c. Pastikan kakitangan, pelanggan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga menggunakan aplikasi MySejahtera apabila memasuki premis perniagaan;</p> <p>d. Pastikan pelanggan merekod kehadiran secara manual jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera atau tiada capaian internet; dan</p> <p>e. Simpan rekod pertemuan dengan pelanggan untuk tujuan pengesanan kontak selaras dengan Tatacara Pengendalian bagi Aktiviti Pengumpulan, Pemrosesan dan Penyimpanan Data Peribadi oleh Premis Perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan.</p> |